

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil PEMBIAYAAN MATA WANG ASING PERSISIR-i (OFCF-i). Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Nama Produk:

PEMBIAYAAN MATA WANG ASING PERSISIR-i (ON-SHORE FOREIGN CURRENCY FINANCING- atau OFCF-i)

Tarikh:

[Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan untuk diisi oleh Kakitangan Jualan]

1. APAKAH PRODUK INI?

- PEMBIAYAAN MATAWANG ASING PERSISIR-i (OFCF-i) ADALAH KEMUDAHAN JANGKA PENDEK UNTUK MEMBIAYAI PEMBELIAN/IMPORT DAN JUALAN/EKSPOT BARANGAN PELANGGAN* DALAM MATA WANG ASING, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA DOLAR AS, EURO, YEN JEPUN, SWISS FRANCS, STERLING POUND, DOLAR AUSTRALIA, DOLAR BRUNEI, DOLAR KANADA, DOLAR NEW ZEALAND, DOLAR SINGAPURA DAN LAIN-LAIN MATA WANG YANG DITERIMA OLEH BANK.
- OFCF-i JUGA TERSEDIA UNTUK MEMBIAYA URUS NIAGA DI BAWAH SURAT KREDIT.
- KADAR KEUNTUNGAN YANG DIKENAKAN UNTUK PRODUK INI TERIKAT DENGAN KOS DANA (COF).

* MENURUT DEFINISI BANK NEGARA MALAYSIA

2. APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG TERPAKAI?

A. MURABAHAH KEPADA PESANAN BELIAN (MURABAHAH TO PURCHASE ORDERER or MPO) (UNTUK PEMBELIAN/URUSAN IMPORT)

KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN UNTUK PEMBIAYAAN MATA WANG ASING DI PERSISIR-i ADALAH MURABAHAH KEPADA PESANAN BELIAN (MPO) YANG MERUJUK KEPADA PEMESAN BELIAN (PELANGGAN) BERJANJI (W'AD) UNTUK MEMBELI ASET YANG DIKENALPASTI DAN DITETAPKAN DARIPADA PENJUAL (BANK) PADA TERMA-TERMA MURABAHAH (KOS TAMBAH) SELEPAS PEROLEHAN ASET OLEH PENJUAL. PENJUALAN ASET OLEH BANK KEPADA PELANGGAN ADALAH ATAS ASAS TERTANGGUH, DAN PEMILIKAN BARANG DISERAHKAN KEPADA PELANGGAN SELEPAS PENGHANTARAN BARANG KEPADA PELANGGAN.

B. BAI' DAYN BI AS SILA (UNTUK PERSIAPAN JUALAN/EKSPORT)

KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN IALAH BAI' DAYN BI AS SILA YANG MERUJUK KEPADA PENJUALAN HUTANG DENGAN BAYARAN DALAM BENTUK KOMODITI. PELANGGAN MENJUAL BARANG SECARA KREDIT KEPADA PENGIMPORT. PELANGGAN MENYEDIAKAN DOKUMEN EKSPORT/JUALAN, CTH. INVOIS DAN DOKUMEN PENGHANTARAN SEPERTI YANG DIPERLUKAN DI BAWAH KONTRAK JUALAN ATAU SURAT KREDIT DAN MENGEMUKAKANNYA KEPADA BANK. BANK KEMUDIANNYA MENGHANTAR DOKUMEN EKSPORT/JUALAN KEPADA BANK PENGIMPORT. PELANGGAN MEMBERIKAN KEPADA BANK BIL PERTUKARAN BAHARU SEBAGAI BIL PENGGANTI YANG MEWAKILI JUALAN. BANK MEMBELI JUALAN PADA HARGA YANG DIPERSETUJUI SECARA BERSAMA (PADA HARGA DISKAUN) DALAM BENTUK KOMODITI. BANK KEMUDIANNYA AKAN BERTINDAK SEBAGAI AGEN KEPADA PELANGGAN AKAN MENJUAL KOMODITI KEPADA PENIAGA KOMODITI DAN HASIL DARI JUALAN KOMODITI AKAN DIKREDITKAN KE AKAUN PELANGGAN. SELEPAS MATANG, PEMBIAYAAN PERLU DIBAYAR OLEH PELANGGAN ATAU PENERIMAAN HASIL JUALAN DARIPADA BANK PENGIMPORT.

3. APAKAH YANG SAYA DAPAT DARI PRODUK INI?

PEMBIAYAAN MATAWANG ASING PERSISIR-i

▪ JUMLAH KEMUDAHAN	JUMLAH PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN ADALAH MENURUT BUDI BICARA BANK
▪ MARGIN PEMBIAYAAN	SEHINGGA 100% NILAI INVOIS
▪ TEMPOH PEMBIAYAAN	SEHINGGA 6 BULAN
▪ HARGA / KADAR KEUNTUNGAN	KOS DANA + MARGIN KEUNTUNGAN (SPREAD)
▪ KOS DANA	AKAN DITENTUKAN PADA HARI PEMBIAYAAN
▪ KONSEP SHARIAH	MURABAHAH KEPADA PEMESAN BELIAN (MPO) & BAI' DAYN BI AS SILA

4. APAKAH KEWAJIPAN SAYA?

PADA TARIKH TUTUP PEMBAYARAN, ANDA PERLU MEMBAYAR HARGA JUALAN BANK DI SAMPING YURAN DAN CAJ YANG BERKAITAN

5. APAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

▪ DUTI SETEM	MENURUT AKTA SETEM 1949
▪ CAJ PENGENDALIAN	RM50 BAGI SETIAP TRANSAKSI
▪ YURAN DAN CAJ LAIN	SEMUA KOS DAN PERBELANJAAN LAIN, CTH. YURAN GUAMAN DAN CAJ LAIN YANG DITANGGUNG DALAM PENYEDIAAN SEMUA KESEMPURNAAN DOKUMENTASI DAN PEMELIHARAAN DOKUMEN SEKURITI BANK.

SILA RUJUK PAUTAN DI BAWAH UNTUK YURAN DAN CAJ TERKINI.

https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/business/trade/sme/other/trade_finance_operational_charge.page

6. BAGAIMANAKAH JIKA SAYA GAGAL MENUNAIKAN KEWAJIPAN SAYA?

▪ HAK UNTUK TOLAK (SET-OFF)	BANK BOLEH MEMBERI NOTIS KEPADA ANDA DAN MENGGABUNGAN, MENGKONSOLIDASIKAN ATAU MENYATUKAN SEMUA ATAU MANA-MANA AKAUN ANDA DAN LIABILITI KEPADA BANK DAN BOLEH MENOLAK (SET-OFF) ATAU MEMINDAHKAN SEBARANG JUMLAH TERTUNGGAK KEPADA KREDIT MANA-MANA AKAUN TERSEBUT DALAM ATAU KEPADA KEPUASAN MANA-MANA LIABILITI KEPADA BANK DI BAWAH FASILITI.
-----------------------------	--

▪ CAJ BAYARAN LEWAT (LPC)

A. BANK BERHAK DIBERIKAN PAMPASAN AKIBAT PEMBAYARAN LEWAT DAN/ATAU GAGAL ANDA SELEPAS MATANG/PENGHAKIMAN (MANA YANG TERLEBIH DAHULU), LPC PADA KADAR SEMALAMAN PASARAN WANG ANTARA BANK ISLAM HARIAN SEMASA (IIMM) TERHADAP BAKI TERTUNGGAK TERHUTANG DAN PERLU DIBAYAR ATAU MANA-MANA KAEDAH LAIN YANG DILULUSKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA DARI SEMASA KE SEMASA.

B. NAMUN, JUMLAH LPC YANG DIKENAKAN KEPADA PELANGGAN TIDAK AKAN DIKOMPANAKAN LAGI.

NOTA:
TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIMULAKAN JIKA ANDA GAGAL MEMBALAS NOTIS PERINGATAN.

7. BAGAIMANA JIKA SAYA MENYELESAIKAN PEMBIAYAAN SEPENUHNYA SEBELUM MATANG?

TEMPOH *LOCK-IN*

TIADA

YURAN PENALTI PENYELESAIAN AWAL

TIADA

8. ADAKAH SAYA PERLUKAN SEBARANG PERLINDUNGAN INSURANS / TAKAFUL?

TIDAK BERKENAAN

9. APAKAH RISIKO UTAMA?

JIKA ANDA GAGAL MENYELESAIKAN OFCF-I MATANG, ANDA TIDAK DIBENARKAN UNTUK TERUS MENGGUNAKAN KEMUDAHAN DAN PROSES MENDAPATKAN SEMULA TERMASUK PROSES UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL TERHADAP ANDA UNTUK MENDAPATKAN SEMULA JUMLAH TERHUTANG. JIKA ANDA MENGHADAPI MASALAH DALAM MEMENUHI KEWAJIPAN PEMBAYARAN ANDA, HUBUNGI KAMI LEBIH AWAL UNTUK MEMBINCANGKAN ALTERNATIF PEMBAYARAN.

10. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN PADA BUTIR-BUTIR HUBUNGAN SAYA?

ADALAH PENTING ANDA MEMAKLUMKAN SEBARANG PERUBAHAN DALAM BUTIR-BUTIR HUBUNGAN ANDA UNTUK MEMASTIKAN SEMUA SURAT-MENYURAT SAMPAI KEPADA ANDA TEPAT PADA MASANYA. UNTUK MENGEMASKINI BUTIRAN HUBUNGAN ANDA, ANDA BOLEH MAKLUMKAN KAMI SECARA BERTULIS ATAU MENGHUBUNGI KAMI MELALUI SALAH SATU SALURAN, CTH: M2U ATAU CAWANGAN ASAL.

11. BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH DAPATKAN BANTUAN DAN PEMBETULAN?

I) JIKA ANDA MENGALAMI KESUSAHAN UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN, ANDA HENDAKLAH MENGHUBUNGI KAMI LEBIH AWAL UNTUK MEMBINCANGKAN ALTERNATIF PEMBAYARAN. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI DI:

NAMA CAWANGAN : _____

ALAMAT : ____

FAKS : ____ E-MEL : ____



II) SEBALIKNYA, ANDA BOLEH MENDAPATKAN PERKHIDMATAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK), SEBUAH AGENSI YANG DITUBUHKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERCUMA PENGURUSAN WANG, KAUNSELING KREDIT, PENDIDIKAN KEWANGAN DAN PENSTRUKTURAN SEMULA HUTANG. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI AKPK DI:

TINGKAT 5 DAN 6, MENARA BUMIPUTRA-COMMERCE

JALAN RAJA LAUT 50350 KUALA LUMPUR

TEL : 03-2616 7766 LAMAN WEB: SERVICES.AKPK.ORG.MY

III) III) JIKA PERTANYAAN ATAU ADUAN ANDA TIDAK DISELESAIKAN OLEH KAMI, ANDA BOLEH MENGHUBUNGI PAUTAN BANK NEGARA MALAYSIA ATAU TELEPAUTAN DI:

BLOCK D, BANK NEGARA

MALAYSIA JALAN DATO' ONN

50480 KUALA LUMPUR

TEL : 1-300-88-5465

FAKS : 03-21741515 EMEL : BNMTELELINK@BNM.GOV.MY

12. DI MANAKAH SAYA BOLEH DAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

IF YOU HAVE FURTHER ENQUIRIES, PLEASE CONTACT US AT :

CAWANGAN:

ALAMAT :

TEL :

E-MEL:

PENAFIAN

MAKLUMAT, TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT DALAM HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI ADALAH INDIKATIF DAN TIDAK MENGIKAT TERHADAP BANK. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AKHIR DIMASUKKAN DALAM SURAT TAWARAN SELEPAS PENILAIAN KREDIT DAN KELULUSAN AKHIR OLEH BANK.

NOTA PENTING:

BANK BERHAK UNTUK MENERUSKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBAYAR BAYARAN ANSURAN BULANAN ANDA ATAS PEMBIAYAAN PERNIAGAAN.

MAKLUMAT YANG DIBERIKAN DALAM HELAIAN PENDEDAHAN INI SAH MULAI [MONTH/YEAR]